



ISTANA BUDAYA

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA
mempersembahkan

bangsawan

Siti Zubaidah



skrip & arahan
ZAKARIA ARIFFIN

penerbit / *producer*
DATO' TENGKU ALAUDIN TENGKU ABD. MAJID

penerbit eksekutif / *executive producer*
NORLIZA ROFLI

penasihat / *advisor*
MORAD IBRAHIM

pengarah muzik / *music director*
SUHAIMI MOHD ZAIN

pengarah tari / *dance director*
SHARIFAH MAHANI SYED KASSIM

pelakon utama / *main cast*
TIARA JACQUELINA

**HALIM OTHMAN • SHARIFAH NORAZLEENDA
JALIL HAMID • KHATIJAH TAN • NORZIZI ZULKIFLI**

dibantu oleh / *supporting cast*
**AYU SYUHARA SULAIMAN • ZULKARNAIN RAMLY • M. NASRI AYOB
MOHAMED ALI OSMAN • WAN KANARI IBRAHIM • SULAIMAN SARIJAN
AMI HARYANI ABD. HAMID • AHMAD IKRAM RAMLI**

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEDAH

**1-11 JULAI / JULY 2000 • 8.30 MALAM / EVENING
ISTANA BUDAYA, JALAN TUN RAZAK, KUALA LUMPUR**

Pelengkap Puan Pembuka Salam

Foreword



SAYA mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang menjayakan pementasan bangsawan *Siti Zubaidah* ini.

Tanggungjawab untuk menghargai produk-produk seni tradisi dalam mengimbangi kemajuan dan perubahan teknologi kini terletak di atas bahu setiap individu dalam masyarakat agar ia menjadi aset yang begitu berharga di kalangan masyarakat kita pada suatu hari nanti.

Usaha kementerian untuk melihat bangsawan kembali ke tampuk kegemilangannya akan terlaksana dengan adanya usaha bagi mementaskan produksi bangsawan ini dengan menggabungkan tenaga muda dan lama. Saya juga berharap akan muncul lebih banyak kumpulan teater yang akan mementaskan bangsawan demi memastikan kelangsungan dan perkembangan kesenian negara sesuai dengan matlamat pembangunan negara yang menyeluruh.

Diharapkan pementasan bangsawan *Siti Zubaidah* akan dapat meneruskan kegemilangan persembahan teater di alaf baru ini.

Sekian, terima kasih.

*I would like to take this opportunity to convey my gratitude and compliments to all that has taken part in the staging of bangsawan *Siti Zubaidah*.*

The responsibility of appreciating the products of traditional arts to balance the development of technology lie on the shoulders of every individual in the society. This is to ensure that arts will become an indispensable asset to society in years to come.

The ministry's endeavour to bring back the glory days of bangsawan culminates with the effort to stage this bangsawan production which combines the talents of the young and the experienced. It is also my hope that more theatre groups will come forward to stage bangsawan to ensure its continuity and the development of national arts in line with the goal of achieving holistic development.

*It is hoped that the staging of bangsawan *Siti Zubaidah* will help in continuing the brilliance of theatre performances in this new millennium.*

Thank you.



DATO' ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR

MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA
MINISTER OF CULTURE, ARTS AND TOURISM MALAYSIA

Sekapur Sirih Menyusun Kata

Foreword



KESUNGGUHAN usaha untuk mengangkat pementasan bangsawan *Siti Zubaidah* sebagai satu pementasan yang mantap menjadi langkah-langkah wirawan kepada Istana Budaya untuk menggemilangkan persembahan teater tanah air. Sudah sepatutnya mendapat restu dari semua pihak yang rasional.


Dengan persembahan pementasan bangsawan ini adalah diharapkan dapat membuka minda kita kepada hakikat bahawa di sinilah bermulanya sejarah teater moden kita. Adalah menjadi harapan saya juga untuk melihat bangsawan salah satu produk kesenian tradisional setanding dengan seni persembahan yang lain. Bagi menjadikan impian murni ini sebagai satu kenyataan, ia menuntut penggemblengan seluruh tenaga penggiat teater di bawah bimbingan seorang tenaga pakar bangsawan yang mahir. Kita masih memerlukan lebih banyak lagi adiguru dalam bidang bangsawan untuk bekerjasama dengan Istana Budaya. Kepada penonton sekalian anggaplah ini satu permulaan daripada rantaian persembahan-persembahan berikutnya yang memerlukan sokongan dan dokongan dari kita semua.

Selamat menonton. Terima kasih.

GREAT effort has been carried out to stage bangsawan *Siti Zubaidah* as a landmark in theatre. It is an effort which should get the blessing of all those in the arts.

It is hoped that the staging of this bangsawan will open our minds to the reality that this is where the roots of our modern theatre today lie. My greatest hope is to see bangsawan as a product of traditional arts which is at par with other performing arts. In order to turn this dream into a reality, it takes the combined effort of all theatre activists under the tutelage of a skilled bangsawan doyen. We are still in need of more masters in the art of bangsawan to collaborate with Istana Budaya. To our audience, please consider this as the first step in a series of other performances. Give it the support and encouragement from all of us.

DATO' TENGKU ALAUDIN TENGKU ABD. MAJID
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA
DEPUTY SECRETARY GENERAL
MINISTRY OF CULTURE, ARTS AND TOURISM MALAYSIA
Merangkap / and
PENERBIT / PRODUCER BANGSAWAN *Siti Zubaidah*



Pedikit Gambar Pelengkap Basa

BANGSAWAN adalah khazanah negara yang sangat tinggi nilai budayanya. Justeru itu, usaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Istana Budaya mengadakan pementasan Perdana dengan mengangkat semula *Hikayat Siti Zubaidah* yang disusun dan diarahkan oleh Zakaria Ariffin, membuktikan betapa seriusnya perancangan dilakukan ke arah mencerna semula wajah Bangsawan di negara ini.

Sejak Bangsawan musnah akibat meletusnya Perang Dunia Ke-2, suasana gemilangnya terus dilupakan. Apabila Jepun memerintah Tanah Melayu, mereka telah menjadikan Bangsawan sebagai alat propaganda untuk mempengaruhi rakyat terhadap ideologi pemerintahan mereka. Selepas Jepun menyerah kalah, British kembali menjajah Tanah Melayu. Hanya beberapa buah kumpulan Bangsawan bergerak semula dalam keadaan serba kekurangan. Namun dunia Bangsawan kembali menjadi pudar dan lesu semula apabila cerita-cerita Bangsawan difilemkan oleh Shaw Brothers dan Cathay Keris Filem di Singapura. Nasib Bangsawan lebih malang lagi apabila begitu ramai pendokongnya berhijrah ke Singapura untuk menjadi bintang filem.

Pada tahun 1959, dunia Bangsawan terus dilupakan. Tidak ada sesiapa yang mahu bertanya khabar tentang kesenian ini, tetapi apabila Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berusaha untuk menghidupkan semula seni Bangsawan di negara ini, barulah kesenian ini bernafas semula. Siri "Manifestasi Bangsawan" yang diadakan pada tahun 1987 hingga 1990, anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah memeriahkan semula dunia Bangsawan dan semacam tertampil satu detik yang sangat mengagumkan. Banyak kumpulan Bangsawan ditubuhkan pada masa itu di negeri-negeri dan ramai pula penggiatnya berpeluang bertemu muka walaupun setahun sekali.

Untuk membentuk sesuatu kumpulan Bangsawan tidaklah semudah menghadap sarapan yang sudah terhidang. Justeru itu, dalam usaha untuk mencanai semula seni Bangsawan di negara ini, marilah bersama-sama berusaha agar Bangsawan tidak mati di kubur yang tidak bertanda.

Sekian.

Foreword


BANGSAWAN is a priceless national heritage. Thus the effort to stage Siti Zubaidah by The Ministry of Culture, Arts and Tourism Malaysia through Istana Budaya is commendable and signifies the emphasis given to the revival of Bangsawan by the ministry.

Bangsawan had almost disappeared as a result of the Second World War. When Japan colonialised the Malay Peninsular, Bangsawan was used as a tool for propaganda. After the surrender of the Japanese, the British returned. Only a few remaining Bangsawan troupes were left active at the time. However Bangsawan experienced a further decline when Bangsawan stories were turned into film by Shaw Brothers and Cathay Keris, film companies based in Singapore. Many Bangsawan actors and actresses and other creative personnels went into film making.

In 1959, Bangsawan almost became obsolete until the then Ministry of Culture, Youth and Sports undertook a comprehensive effort to revive bangsawan. The 'Bangsawan Manifestation' series which was implemented by the Ministry from 1987-1990 signifies the culmination of the revival period. Bangsawan troupes mushroomed and were given an opportunity to meet at least once a year.

To form a Bangsawan troupe is not as easy as it seems. Therefore, it is in everybody's interest to see that Bangsawan does not die an early death.

MORAD IBRAHIM
PENASIHAT / ADVISOR BANGSAWAN Siti Zubaidah



Peulas Binang Bicara Bermula

KHAZANAH Bangsawan menawarkan beratus cerita dalam pelbagai bentuk, ragam dan warna. Daripada cerita dongeng atau fantasi dengan kisah dewa dewi, jin dan pari-pari, cerita lipur lara dengan kembara putera perkasa dari istana, yang mencari puteri jelita di sebuah negeri antah berantah, *Saudagar Venice* dan *Putera Denmark* daripada himpunan Shakespeare yang dialih bahasa, hinggalah kepada kisah-kisah semasa yang dipengaruhi oleh kumpulan Dardanela dan Bolero dari Indonesia. Kelompok *repertoire* ini memberikan pilihan yang lumayan kepada karyawan yang mahu mengangkat kesenian tradisional Bangsawan ke pentas moden, dengan pelbagai pendekatan dan gaya, berdasarkan kreativiti masing-masing.

Siti Zubaidah adalah sebahagian daripada kumpulan cerita Bangsawan yang diadaptasi daripada Hikayat Melayu dalam bentuk syair. Sepertimana kebanyakan cerita bangsawan lain, naskhah ini juga tidak pernah ditemui dalam bentuk skrip bertulis atau bercetak. Maka itu sebahagian besar daripada *repertoire* Bangsawan jarang dipentaskan, kecuali beberapa kisah yang sentiasa diulang-ulang, seperti *Megat Terawis*, *Laksamana Bentan*, *Megat Panji Alam* dan *Laila Majnun*. Penulis melakukan adaptasi terhadap syair panjang ini (terdiri daripada 3736 rangkap syair) dengan harapan karya ini dapat diterbitkan dan memudahkan karyawan lain mementaskannya pada masa hadapan.

Siti Zubaidah dipilih kerana penulis mendapati karya ini lebih berpijak di bumi nyata dan ada latar sejarah serta geografi yang boleh disusuri. Berbanding cerita-cerita Bangsawan yang lain, cerita ini mengisahkan watak-watak yang mempunyai sifat manusia biasa, tanpa memiliki kuasa *superhuman* atau ciri-ciri luar biasa, yang menjadi suatu kebiasaan dalam kebanyakan cerita Bangsawan. Namun, dari segi strukturnya, ia masih memperlihatkan struktur cerita Bangsawan, dengan kisah kembara putera atau puteri raja yang mencari calon isteri/suami atau menyelamatkan isteri/suami yang di dalam kesusahan. Dalam pengembaraan ini, putera atau puteri tersebut akan berhadapan dengan pelbagai halangan, dalam bentuk jin, raksasa atau ditentang oleh bala tentera asing.

Siti Zubaidah berkisar di sekitar keazaman, ketaatan, kesetiaan, kekuatan iman dan semangat seorang isteri yang mahu membuktikan cintanya kepada suami dengan bertindak dan berjuang menyelamatkan suaminya daripada tawanan Maharaja China. Intrig dalam istana, hubungan politik yang tegang di antara dua negara akibat daripada perselisihan dalam urusan dagang (ekonomi), persoalan maruah dan martabat sebuah negara serta bangsa yang bertamadun dan pancaran Nur Islam di dalamnya menjadikan cerita ini sebuah kisah yang penuh warna dengan pelbagai elemen dramatik.

Ini sekadar suatu usaha penulis/pengarah yang mentafsir daripada bahan yang tersedia, kepada medium teater yang dilabelkan sebagai Bangsawan, dengan berbekalkan sedikit pengalaman dan kreativiti yang ada. Selebihnya saya serahkan kepada khalayak yang budiman untuk sekali lagi membuat tafsiran dari kaca mata anda sendiri. Semoga kita semua memperoleh manfaat daripada kisah ini.

Wassalam.

Foreword

THE heritage of bangsawan has in store for us hundreds of stories in all imaginable forms, features and colours. From myths or fairytales to the stories of gods, jinn and fairies, the tales of ancient storytellers and the adventures of the courageous prince from the palace, in the quest for the beautiful princess from a faraway land; *The Merchant of Venice* and *The Prince of Denmark* from the compendium of translated Shakespearean works to contemporary works influenced by the *Dardanela* and *Bolero* troupe from Indonesia. The collection in the repertoire enables an endless array of choices for the artist in the effort to promote the traditional artistry of bangsawan to the modern stage, in many approaches and styles based on their own level of creativity.

Siti Zubaidah is part of a group of bangsawan stories adapted from a Malay Hikayat in the form of rhymed verse. However, as of a number of other bangsawan stories, the text has never been compiled into the form of a written or printed script. Hence, a large part of the bangsawan repertoire has rarely been staged except a few stories that has constantly been repeated, such as *Megat Terawis*, *Laksamana Bentan*, *Megat Panji Alam* and *Laila Majnun*. The writer has made an adaptation of this long poem (consisting of 3736 lines) with the hope that the work will be published enabling other artists to stage it in the future.

Siti Zubaidah was selected because the writer feels that this work has a greater grasp of reality with a historical and geographical background that can easily be traced. Compared to a number of other bangsawan stories, this story portrays characters with human qualities, without being embellished by superhuman qualities or mystical powers, a norm in most bangsawan stories. However, from the structural point of view, it still retains the structure of a bangsawan plot, with the tale of a Prince or Princesses travelling in the quest for a bride/groom or the rescue of a wife/husband in dire straits.


Siti Zubaidah revolves around the theme of determination, loyalty, fidelity, the strength of faith and the will of a wife in proving her love for her husband by rescuing him from the imprisonment of the Emperor of China. Palace intrigue, the tense political ties between two countries resulting from a misunderstanding in matters of trade (economy), the question of the dignity and pride of a nation and a civilised people and the spread of Islamic teachings within it makes this story a colourful one, full of dramatic elements.

This is merely an effort made by the writer/director to interpret available materials into the medium of theatre labelled as bangsawan, equipped with what little experience and creativity at hand. The rest is left to the audience to form interpretations from their own points of view. May the story leave a mark on all of us.

Wassalam.

ZAKARIA ARIFFIN

PENULIS SKRIP DAN PENGARAH / SCRIPT WRITER AND DIRECTOR BANGSAWAN *Siti Zubaidah*



ZAKARIA ARIFFIN was born in Kuantan in 1952 and received his early education at his hometown. In 1975, he continued his studies at Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, majoring in theatre and was actively

involved in theatre productions at the university. Some of the productions he was involved with were: Patung-patung directed by Hatta Azad Khan, Bujur Lalu Melintang Patah - Zainal Abdul Latiff, Pintu - Samat Salleh and Obsesi by Shariff Shaari. He also wrote and directed Penunggu Pusaka as his creative project for Drama in Education.

Upon graduating in 1978, he was offered a position as a Research Officer/Language Planning Officer at the Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). He was involved in many productions with the DBP Cultural Body as an actor, production manager and producer. Some of the dramas he directed were Mayat, Pelayaran Inderaputera II, Tuk Selampit, Mitos and Matinya Seorang Pahlawan.

Pentas Opera, Raja Lawak, Perempuan Seorang Leftenan Inggeris, Belum Selesai, Teja (adaptation), and Imam (adaptation) were theatre productions, which he wrote and directed.

Opting for early retirement from the government in 1996, he was self-employed for two years before signing a contract as a Cultural Officer where he heads the Writing Programme at the Akademi Seni Kebangsaan to date.

He has produced 15 stage dramas, 6 of which are published. Pentas Opera was the first runner-up for the Hadiah Drama Esso-Gapena 1988/89 and the Hadiah Sastera Malaysia the same year.

He has successfully staged his dramas in Bandar Seri Begawan, Manila and London. Raja Lawak and Pentas Opera were also staged in Singapore.

Siti Zubaidah is his first attempt of directing a bangsawan.

ZAKARIA ARIFFIN, lahir di Kuantan pada tahun 1952 dan mendapat pendidikan awal di tempat kelahirannya. Pada tahun 1975, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, mengkhusus dalam bidang teater. Beliau terlibat secara aktif sebagai pelakon dalam pementasan-pementasan di kampus. Antara lainnya: *Patung-patung* arahan Hatta Azad Khan, *Bujur Lalu Melintang Patah* arahan Zainal Abdul Latiff, *Pintu* arahan Samat Salleh dan *Obsesi* arahan Shariff Shaari. Beliau juga telah menulis dan mengarah *Penunggu Pusaka* sebagai projek Drama dalam Pendidikan.

Setelah tamat pengajian pada tahun 1978, beliau mendapat tawaran sebagai Pegawai Penyelidik/Pegawai Perancang Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Di sana, beliau bergiat bersama Badan Budaya DBP sebagai pelakon, pengarah, pengurus produksi dan penerbit. Antara drama yang diarahkan ialah *Mayat*, *Pelayaran Inderaputera II*, *Tuk Selampit*, *Mitos* dan *Matinya Seorang Pahlawan*.

Karya sendiri yang diarahkan ialah *Pentas Opera*, *Raja Lawak*, *Perempuan Seorang Leftenan Inggeris*, *Belum Selesai*, *Teja* (adaptasi) dan *Imam* (adaptasi).

Pada tahun 1996, Zakaria bersara awal (pilihan) daripada perkhidmatan kerajaan. Setelah bekerja sendiri selama dua tahun, beliau mengikat kontrak sebagai Pegawai Kebudayaan dan sehingga kini bertugas sebagai Ketua Program Penulisan di Akademi Seni Kebangsaan.

Beliau telah menghasilkan 15 buah drama pentas, 6 daripadanya sudah diterbitkan sama ada dalam bentuk buku atau dalam majalah/jurnal. *Pentas Opera* memenangi tempat kedua Hadiah Drama Esso-Gapena 1988/89 dan Hadiah Sastera Malaysia pada tahun yang sama.

Beliau telah mementaskan drama di Bandar Seri Begawan, Manila dan London. *Raja Lawak* dan *Pentas Opera* juga pernah dipentaskan di Singapura.

Siti Zubaidah merupakan pengalaman pertamanya mementaskan bangsawan.



SUHAIMI MOHD ZAIN (Pak Ngah)

adalah nama yang sinonim dengan evolusi genre irama muzik Melayu asli tanah air. Lahir di Kuala Lumpur pada 26 September 1958, beliau telah berjinak-

jinak di bidang muzik dan seni yang lain sejak di bangku sekolah lagi. Kerjaya seninya semakin menyerlah apabila beliau menjadi pemuzik sepenuh masa di Kompleks Budaya Negara (KBN) pada tahun 1977.

Pak Ngah terus aktif berkarya dalam penciptaan dan penggubahan lagu di samping mengisi jadual hariannya dengan mengikuti banyak kursus dan seminar muzik di dalam dan luar negara. Bertunjangan pada syarikatnya sendiri, yang ditubuhkan setelah meninggalkan perkhidmatan dengan Kompleks Budaya Negara, Pak Ngah melangkah setapak lagi dengan menerbitkan album artis-artis terkenal tanah air seperti Siti Nurhaliza, Sharifah Aini, Jamal Abdillah, Noraniza Idris dan ramai lagi. Lagu *Cindai* nyanyian Siti Nurhaliza telah menobatkan Pak Ngah sebagai Komposer Terbaik dalam Juara Lagu 1998 manakala album *Seri Balas* diiktiraf sebagai Album Pop Etnik Terbaik dalam AIM 2000.

Pak Ngah juga aktif dalam pengarah, penggubahan dan penciptaan lagu bagi pementasan-pementasan teater. Antaranya: *Malam Ini Penyu Menangis* arahan Dato' Noordin Hassan, *Tikar Mengkuang* arahan Lokman Ghani, *Cindai* arahan Dato' Noordin Hassan, *Jebat in English* arahan Dato' Rahim Razali, *Tiang Seri Tegak Berlima* arahan Rohani Yousoff, *Rubiah* arahan Ahmad Tarmimi Siregar dan beberapa pementasan teater kanak-kanak.

SUHAIMI MOHD. ZAIN, or more popularly known as Pak Ngah, is a name synonymous with the evolution of the traditional Malay music. Born in Kuala Lumpur on 26 September 1958, he began polishing his musical talents since childhood.

Pak Ngah shone when he started working as a full time musician with the National Arts Complex in 1977 where he was actively composing and arranging songs and attending arts and music seminars/courses locally and abroad.

He is often given the role of a Musical Director for many productions, be it theatre, formal and cultural shows, as he is well known for his caliber in contemporary traditional Malay music arrangements.

After resigning from Kompleks Budaya Negara, he set up Pak Ngah Production where he excels as an album producer for local talents like Siti Nurhaliza, Sharifah Aini, Jamal Abdillah and Noraniza Idris. His compositions and arrangements are often the main factor for the success of the album sales. *Cindai* sung by Siti Nurhaliza, for instance, was awarded the platinum album status where it also emerged as the Best Song in the Irama Malaysia Category in Juara Lagu 1998. The album *Seri Balas* gained recognition as the Best Ethnic Pop Album in AIM 2000. Pak Ngah was also awarded as the Best Composer status in the same ceremony.

Pak Ngah has also been a musical director, composer and arranger for numerous theatre productions such as *Malam Ini Penyu Menangis* directed by Ghani, *Cindai* directed by Noordin Hassan, *Jebat in English* directed by Dato' Rahim Razali, *Tiang Seri Tegak Berlima* directed by Rohani Yousoff, *Rubiah* directed by Ahmad Tarmimi Siregar, and a number of children's theatre.



SHARIFAH MAHANI SYED KASSIM began her professional career as a dancer with the Kompleks Budaya Negara. Her dance skills often makes her the natural choice for main dancer in many a dance performance. Her involvement in dance includes The Official Opening Ceremony of CHOGM 1989, The Launching of Malaysia Fest 1991 and 1995, The Opening and Closing Ceremonies of The Commonwealth Games 1998, The Citrawarna Malaysia Parade 1999 and 2000 and many others.

Born in Kedah, her service as a dance and artistic advisor is often sought after and she is often asked to choreograph dances in many cultural performances.

In theatre, she also directs the dance choreography for semi musicals like those directed by Dato' Noordin Hassan, Dato' Rahim Razali, Dato' Syed Alwi and Rohani Yousoff.

She now lectures part time at the Akademi Seni Kebangsaan.

SHARIFAH MAHANI SYED KASSIM memulakan langkah dan gerak tarinya secara profesional di Kompleks Budaya Negara (KBN). Berkat usaha, kesabaran dan bakatnya, beliau sering menjadi penari utama dalam setiap persembahan kesenian, di dalam mahupun di luar negara. Antaranya Perasmian CHOGM 1989, Pelancaran Malaysia Fest 1991 dan 1995, Upacara Perasmian dan Penutup Sukan Komanwel 1998, Perarakan Citrawarna Malaysia 1999 dan 2000 dan lain-lain lagi.

Pengalamannya yang hampir dua puluh tahun di bidang tarian meletakkan beliau sebagai pengarah dan koreografer tari yang disegani.

Anak kelahiran Kedah ini turut menjadi pakar rujuk seni tari dalam pelbagai aspek. Beliau juga mencipta nama sebagai pengarah tari bagi pementasan-pementasan teater yang berbentuk semimuzikal, seperti pementasan teater arahan Dato' Noordin Hassan, Dato' Rahim Razali, Dato' Syed Alwi dan Rohani Yousoff.

Kini beliau menjadi pensyarah sambilan di Akademi Seni Kebangsaan.

Bangsawan merupakan satu bentuk drama Melayu yang berasal dari India, dikenali sebagai 'Wayang Parsi' atau 'Mendu' dan dilakonkan oleh pelakon-pelakon lelaki semuanya. Kebanyakan cerita yang dipersembahkan adalah cerita-cerita dongeng yang membawa tema kehidupan di istana atau kayangan, diselitkan dengan unsur tarian dan nyanyian yang mengasyikkan.

Tahun 1885-1902 merupakan zaman penapakan bangsawan di Tanah Melayu. Kumpulan Pushi Indera Bangsawan of Penang adalah kumpulan yang pertama ditubuhkan dalam tahun 1885 di Pulau Pinang atas dasar Wayang Parsi dan menjadi kumpulan Bangsawan profesional yang pertama di Tanah Melayu. Kumpulan ini dipimpin oleh Mamak Pushi @ Mohammad Pusi.

Bangsawan berada di zaman kegemilangannya antara tahun 1915-1941. Dalam tempoh ini banyak kumpulan Bangsawan ditubuhkan. Zaman ini jugalah menyaksikan Bangsawan menerima pengaruh persembahan drama Barat yang bercorak *Commedia dell'Arte* dari Itali. Selari dengan perkembangan itu, banyakkah cerita Shakespeare dipentaskan dan nama Bangsawan bertukar kepada 'opera'.


Penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu telah menyebabkan Bangsawan mengalami zaman genting. Selepas Jepun kalah, Bangsawan kembali bernafas namun disekat lagi dengan pengisytiharan darurat pada tahun 1950. Setelah keadaan darurat itu berakhir, Bangsawan terpaksa bersaing pula dengan perkembangan hiburan yang lebih moden seperti filem, radio dan televisyen. Perkembangan pesat ini juga turut menyaksikan *Orang Muda* dan *Seri Panggung* Bangsawan mencuba nasib di dunia filem, radio dan televisyen.

Bangsawan is a traditional form of Malay theatre originating from India and is also known as 'Wayang Parsi' or 'Mendu'. Originally all the characters were performed by male actors. Most of the stories are fables focusing on palace life or that of the outer world. Dances and songs are added to complete a Bangsawan performance.

The 1885-1902 period was when Bangsawan was first introduced in the Malay Peninsula. The Pushi Indera Bangsawan group of Penang was the first Bangsawan group to be formed and it was led by Mamak Pushi @ Mohammad Pusi.

The golden era of Bangsawan was between 1915-1941. During this duration when many Bangsawan groups thrived, influences from Western dramatic form seeped in, including that of *Commedia dell'Arte* from Italy. The influence of Shakespearean styled performances saw the transition of Bangsawan into 'Opera'.

The colonialisation of the Malay Peninsular by Japan put a critical end to the development of Bangsawan. After the Japanese left, Bangsawan received another set back when the Malay peninsular entered a 'state of emergency' in 1950. When the emergency ended, Bangsawan then had to compete with the rise of radio, film and television as the main medium of entertainment resulting in actors previously involved in Bangsawan trying their luck in film, radio and television.



Seni Drama Bangsawan Sebagai Bentuk Drama Bercorak Tradisional
Bangsawan as a Traditional Theatre Genre

Konsep tradisional Bangsawan juga selari dengan bentuk drama yang lain. Antara unsur-unsur tradisional yang terdapat di dalam Bangsawan ialah :

- a) *Repertoire* Bangsawan lebih condong kepada cerita-cerita dari golongan Bangsawan yang berkisar tentang pengembaraan, dugaan dan kesengsaraan seorang wira atau wirawati untuk mencari pasangan hidup, yang dialamatkan kepadanya melalui mimpi ataupun telah ditunangkan semenjak kecil tetapi terpisah akibat satu malapetaka. Pertemuan dan penyatuan watak-watak ini di dalam suasana yang sungguh ajaib yang diikuti dengan kebijaksanaan dan keistimewaan keturunan watak-watak ini.
- b) Watak-watak Bangsawan adalah merupakan *stock-type* dan peranan mereka berdasarkan kepada bentuk yang hampir sama. Antara watak yang terdapat di dalam persembahan bangsawan ialah :
 - i) Watak wira dikenali sebagai *Orang Muda*
 - ii) Watak wirawati dikenali sebagai *Seri Panggung*
 - iii) watak lawak yang digelar *Ahli Lawak*
 - iv) Ada watak seperti watak *Jin Afrit* atau *Raksasa* (bergantung kepada cerita)
- c) Setiap cerita bangsawan yang dipersembahkan mempunyai unsur didaktik.
- d) Plot cerita-cerita bangsawan bersifat *episodic* - satu cara untuk memanjangkan dan memendekkan cerita. Pembuangan atau penambahan cerita tidak akan merosakkan keseluruhan cerita atau mengganggu pelakon yang melakonkannya atau penonton yang menontonnya.
- e) Teknik improvisasi dalam lakonan boleh dilakukan dan berdasarkan jalan cerita yang diberikan oleh pengarah. Walau bagaimanapun pertuturan dan aksi dalam lakonan adalah bersifat *stylized*. Teknik ini juga membolehkan sesuatu lakonan boleh *diflexiblekan* mengikut sambutan penonton. Sekiranya mendapat sambutan, anak-anak bangsawan boleh memanjangkan cerita dengan menokok-tambah dengan selingan lagu-lagu, tarian-tarian seperti *extra turn* yang bersesuaian dengan cerita dan bernasib atau tarik.
- f) Mempunyai unsur-unsur kekaguman.

The traditional concept of Bangsawan runs concurrent with other forms of drama. Among the traditional elements found in Bangsawan are :

- a) *The repertoire of Bangsawan focuses on stories of royalty revolving around hunting activities and challengers faced by the hero or heroine in their quest to find their life partners. The central characters demonstrate great courage and strength when overcoming the obstacles.*
- b) *The characters in Bangsawan are usually stock-type character. Among the character usually found in Bangsawan are :*
 - i) *The Hero is known as Orang Muda*
 - ii) *The Heroine is known as Seri Panggung*
 - iii) *The Jester is known as Ahli Lawak*
 - iv) *The Jinn or demon known as Jin Afrit*
- c) *Each Bangsawan story performed usually has didactic elements.*
- d) *The plot in Bangsawan are episodic in character. This method is used to prolong or shorten the duration of a performance. The addition or absence of episodes to abridge or extend a play will not disrupt the story as a whole.*
- e) *The actors are free to improvise as long as improvisation are based on the storyline determined by the director. This flexibility allows the actor to make suitable adjustments to their dialogues, based on the audience's response.*
- f) *Bangsawan relies on a lot of spectacular effects.*

Antara Cerita-cerita Bangsawan Yang Popular
Among The More Popular Bangsawan Stories

- Siti Zubaidah
- Batu Belah Batu Bertangkup
- Lela Manja
- Laksamana Hang Tuah
- Indera Bangsawan
- Bawang Putih Bawang Merah
- Sultan Mahmud Mangkat Dijulang
- Si Tanggang
- Dandan Setia
- Laksamana Bentan
- Bentan Telani
- Laksamana Mati Dibunuh
- Jula Juli Bintang Tiga
- Jula Juli Bintang Tujuh
- Lesong Emas (Filem Siti Muslihat)
- Megat Terawih
- Lela Majnun
- Puteri Cahaya Bintang
- Celorong Celoreng
- Panglima Melayu
- Tudung Saji Teredak Bentan
- Puteri Gunung Ledang
- Gugurnya Panglima Kasturi
- Panglima Nayan
- Terong Pipit
- Kuan Tong Guru Laksamana
- Selendang Delima
- Lembing Awang Pulang Ke Dayang
- Raden Mas
- Puteri Pulau Pandan
- Mahsuri
- Bidasari
- Keris Melayu
- Gangga Indera
- Garuda Emas
- Topeng Hitam
- Jambatan Patah
- Gul Bakawali

Cerita-cerita Tonil Yang Dipentaskan Oleh Kumpulan Bangsawan
Modern Stories Performed by Bangsawan Troupes

- Bunga Tanjung
- Salah Asuhan
- Sebatang Kara
- Air Mata Kekasih
- Sekuntum Bunga Di Tepi Danau
- Tujuh Belas Tahun Dalam Rahsia
- Kerana Anak
- Gelombang Air Mata
- Antara Dua Keranda Mati
- Mandi Darah
- Corak dunia
- Antara Dua Pilihan

Sumber / Source : MORAD IBRAHIM



7 MEDAN PERANG - SIANG : Sultan Zainal Abidin memimpin bala tenteranya menanti kedatangan angkatan perang negara China. Angkatan tentera China yang dipimpin oleh puteri Maharajanya itu tiba dan peperangan berlaku. Dalam peperangan tersebut angkatan perang Kembayat Negara tewas dan Sultan Zainal Abidin ditawan oleh puteri Maharaja China itu, Puteri Kilan Cahaya.

8 TAMAN LARANGAN ISTANA KEMBAYAT NEGARA - SIANG : Siti Zubaidah berada di dalam kesedihan kerana suaminya ditawan dan dibawa ke negara China. Mak Inang mententeramkannya. Permaisuri Tua masih terus menyindir, malah menghina Siti Zubaidah kerana pada fikirannya, Siti Zubaidah adalah seorang rakyat biasa, bukannya daripada keturunan raja. Baginda juga menuduh Siti Zubaidah berlaku curang dan mencabarnya supaya membuktikan cintanya pada Sultan Zainal Abidin dengan pergi menyelamatkan suaminya itu. Siti Zubaidah bertekad untuk menerima cabaran itu dan lari meninggalkan istana.

9 HUTAN RIMBA - MALAM / SIANG : Siti Zubaidah mengembara di tengah-tengah rimba untuk menuju ke negara China. Dia bertemu dengan Puteri Rukiah, pewaris takhta Negeri Yunan yang disingkir oleh saudaranya sendiri. Mereka menjadi sahabat baik. Siti Zubaidah berjanji untuk membantu Puteri Rukiah mendapatkan semula takhtanya dan Puteri Rukiah berjanji untuk membantu Siti Zubaidah menyelamatkan suaminya di negara China.

10 HUTAN RIMBA - SIANG : Siti Zubaidah dan Puteri Rukiah sama-sama berguru dengan seorang Tuan Syeikh dalam ilmu dunia dan akhirat, termasuk ilmu peperangan.

11 ISTANA MAHARAJA CHINA - SIANG : Maharaja China sekali lagi memerintahkan supaya Sultan Zainal Abidin yang menjadi tawanannya itu sujud menyembah dan mengakui kebesarannya. Sultan Zainal Abidin enggan berbuat demikian kerana perbuatan itu bertentangan dengan pegangan agama Islam. Maharaja China sangat murka dan memerintahkan supaya dijatuhkan hukuman bunuh. Puteri Kilan Cahaya menahannya dan mencadangkan Sultan Zainal Abidin dimasukkan ke dalam telaga buta bagi memberikannya peluang berfikir. Puteri Kilan Cahaya menyatakan dengan ayahandanya bahawa dirinya sebenarnya telah jatuh cinta kepada Sultan Zainal Abidin. Maharaja China menganggap puterinya itu sudah 'gila', tetapi menurut juga cadangan Puteri Kilan Cahaya. Sultan Zainal Abidin dimasukkan ke dalam telaga buta. Ketika ini, Siti Zubaidah dan Puteri Rukiah sudahpun sampai di negara China dan mengintip apa yang sedang berlaku.

12 HUTAN - SIANG : Siti Zubaidah dan Puteri Rukiah yang menyamar sebagai penari lelaki membuat persembahan di hadapan Maharaja China. Selesai menari, mereka berdua bersama rakan-rakan penari yang lain menyerang pengawal dan pembesar istana, sementara tentera lain menyerang di luar istana. Siti Zubaidah dan Puteri Rukiah pergi ke telaga buta dan menyelamatkan Sultan Zainal Abidin. Siti Zubaidah mengajak Sultan Zainal Abidin memerangi tentera negara China. Mereka mencapai kemenangan dan akhirnya Siti Zubaidah pun mendedahkan identitinya yang sebenar. Sultan Zainal Abidin sangat terkejut tetapi bersyukur. Puteri Kilan Cahaya mengikut Sultan Zainal Abidin pulang ke Kembayat Negara untuk memeluk Islam.

1 THE FOREST - DAYTIME : Sultan Zainal Abidin is hunting with five of his closest companions - Jaafar Siddik, Umar Baki, Abdullah Sani, Muhammad Muhiyuddin and Silam Bari. He is worried about his father who was entrusted as regent to the throne of Kembayat during his hunt. The Sultan's companions assured him that his father is extremely wise and experienced in executing the duties of a ruler. Sultan Zainal Abidin also speaks of his ambition to spread the message of Islam to China.


2 THE PORT OF KEMBAYAT NEGARA - DAYTIME : The Cincu Cina junk docks at the harbour. Several merchants approached the Cincu Cina to purchase his goods, although they have been promised to the Saudagar Berida. Cincu Cina assented because the offer given was at a higher price. The Saudagar Berida and the Cincu Cina fell into an argument caused by the breach of promise. The followers of the Cincu Cina and the Saudagar Berida intervened causing a fight to erupt. The master of the port came and took both of them to the palace to be tried.

3 THE KEMBAYAT NEGARA PALACE - DAYTIME : Saudagar Berida and the Cincu Cina were taken into the audience of Sultan Darman Syah to be tried. After being tried, the Cincu Cina was found guilty. The Cincu Cina is angered and accuses Sultan Darman Syah of being bribed by the Saudagar Berida. Sultan Darman Syah is extremely angered and sentenced the Cincu Cina to imprisonment while his followers managed to escape. Their junk was burnt down by the troops of Kembayat Negara.

4 THE FORBIDDEN GARDENS OF KEMBAYAT NEGARA PALACE - DAYTIME : Siti Zubaidah is in the middle of a game with her ladies in waiting. However her unhappiness is obvious as she misses her father in Peringgi Island. The nurse tries to take away her worries. Puteri Sajarah, the younger wife of Sultan Zainal Abidin, and the Permaisuri Tua appeared at the garden to join in the games with her ladies in waiting. The Permaisuri Tua hurls sarcasm at Siti Zubaidah, exposing her dislike for her first daughter-in-law.

